

BRIEFING NOTES

**YBHG. DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN MD. ARIFF,
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING,
UNTUK MESYUARAT PENUH BULANAN MPT,
PADA 31 JANUARI 2019
JAM 9.00 PAGI DI DEWAN MESYUARAT CEMPAKA**

**1. MAJLIS EXECUTIVE TALK DAN AMANAT TAHUN BAHARU
2019 YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**

Bersama mengikuti amanat Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu yang menyeru semua penjawat awam agar kembali menghayati enam teras utama dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Beliau, ketika menyampaikan amanat dalam Eksekutif Talk dan Amanat Tahun Baru 2019 berkata penjawat awam perlu mempunyai komitmen untuk sentiasa mematuhi undang-undang serta memiliki kejujuran dan integriti.

“Penjawat awam perlu bertanggungjawab dalam setiap keputusan dan tindakan, penjawat awam mesti menumpukan kesetiaan dan ketaatan terhadap

'government of the day' dengan melaksanakan segala dasar demi kebaikan dan kebajikan rakyat.

“Penjawat awam wajib mengutamakan kesaksamaan dan keadilan dalam membuat keputusan atau mengambil tindakan demi rakyat dan penjawat awam adalah insan yang berdedikasi, mengekalkan profesionalisme dan tekun dalam berkhidmat demi rakyat,” katanya. Tegasnya lagi, penjawat awam perlu sentiasa merendah diri tanpa mengira apa pun jawatan yang digalas. “Segala gaji dan keistimewaan itu sebenarnya datang bersekali dengan amanah dan tanggungjawab serta sifat-sifat seorang penjawat awam.

“Apabila menyentuh soal amanah, jangan ada dalam kalangan kita yang bertindak bertentangan dengan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan, khususnya perkara-perkara yang melibatkan perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

Ujar Dato Seri Menteri Besar Perak, penjawat awam perlu memperbetulkan persepsi terhadap tugas mereka adakah ia mengharapkan gaji semata-mata atau berniat berkhidmat kepada rakyat dan negeri untuk mendapatkan keberkatan dalam rezeki. “Apabila kita keluar dari rumah pagi tadi, adakah kita berniat datang untuk bekerja atau berkhidmat? Mungkin ini perkara remeh, tapi dua perkataan ini membawa maksud yang amat berbeza.

“Mereka yang bekerja adalah mereka yang sekadar membuat tugas kerana mengharapkan gaji. Ini berbeza dengan mereka yang berniat berkhidmat kepada rakyat dan negeri untuk mendapatkan keberkatan dalam rezeki. “Usah hanya bekerja semata-mata kerana kita ini terpaksa bekerja bagi mendapatkan gaji atau bekerja seperti kerbau yang semata-mata bekerja kerana dicucuk hidung. Bersamanya, kita tambahkan nilai-nilai yang baik dalam pekerjaan itu,” katanya dihadapan sekitar lebih seribu penjawat awam di Hotel River Front pada hari isnin lepas.

2. PROGRAM KAWALAN WABAK RABIES @ ANJING GILA DI KAWASAN MPT

Bandar ini telah dikejutkan dengan beberapa kes berkaitan wabak rabies @ Anjing Gila di kawasan Taiping dan Bukit Gantang sehingga kedua-dua kawasan ini telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies berikutan empat sampel diambil di kawasan itu mendapati ianya positif wabak berkenaan. Kes pertama telah dikesan ekoran kejadian dua orang sekeluarga dilaporkan telah digigit oleh seekor anjing peliharaan pada 25 Disember lalu dan anjing itu kemudiannya telah dilupuskan oleh pengadu pada 3 Januari 2019. Pihak Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh telah menjalankan ujian terhadap sampel otak anjing tersebut pada 4 Januari dan disahkan positif dijangkai penyakit tersebut. Justeru, Jabatan Veterinar Ipoh bersama-sama Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MPT telah menjalankan serta merta operasi

survelan dan persampelan dalam lingkungan dua kilometer radius dari foci jangkitan bagi mengetahui status perebakan penyakit rabies di kawasan berkenaan. Sebanyak tiga sampel (daripada anjing berkeliaran) telah dikesan positif daripada 30 sampel yang diambil pada 11 Januari lalu iaitu di sekitar kawasan Tupai Business Centre dan Pekan Sri Boyan. Pewartaan kawasan jangkitan rabies dilakukan pada 14 Januari sehingga kini. Pewartaan ini membabitkan Mukim Taiping dan Mukim Bukit Gantang dan aktiviti kawalan anjing-anjing liar serta anjing terbiar diteruskan sehingga hari ini. MPT menerima kira-kira 200 aduan anjing liar dan anjing terbiar pada setiap tahun dan tindakan ke atas aduan berkaitan anjing dilakukan oleh Unit Kawalan Anjing dari masa ke semasa serta berdasarkan aduan.

3. BAZAR RAMADAN 2019 DAN EKSPLO AIDILFITRI 2019

MPT telah membuka permohonan kepada orang ramai yang berhasrat untuk berniaga di Bazar Ramadan 2019 dan Ekspo Aidil Fitri 2019. Program tahunan yang dianjurkan oleh MPT ini diadakan di lokasi seperti berikut :-

- i. Bazar Ramadan di Tapak Bazar Ramadan Kamunting dan;
- ii. Ekspo Aidil Fitri 2019 di Jalan Panggung Wayang Taiping.

Borang permohonan akan dikeluarkan pada 1 Februari hingga 15 Februari bagi Ekspo Aidil Fitri dan 11 Februari hingga 29 Mac bagi permohonan Bazar Ramadan. Borang boleh didapati di Kaunter Jabatan Pelesenan dan

Penguatkuasaan, Tingkat Dua, Wisma MPT. Pada tahun 2018, MPT telah menawarkan sebanyak 164 permit bagi Bazar Ramadan sementara bagi Expo Aidil Fitri adalah sebanyak 128. Jumlah permit bagi kedua-dua aktiviti tersebut bagi tahun ini, masih lagi diperingkat perbincangan.

4. KEMPEN TAWARAN PENGURANGAN KOMPAUN LETAK KERETA 2019

MPT akan menawarkan pengurangan kompaun tempat letak kereta sebanyak 70 peratus berkuat kuasa dari 28 Januari hingga 28 Februari 2019. Pengurangan ini

bertujuan untuk memberi peluang kepada pesalah sebelum perkara ini dibawa ke mahkamah. Bagi kompaun yang tidak dibayar segera, kadar kompaun akan meningkat dan pihak MPT akan mengambil tindakan mahkamah dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM 300 berdasarkan Subseksyen 72 (7), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Sehubungan dengan itu, pihak Majlis berharap agar orang ramai menggunakan peluang ini untuk menjelaskan kompaun tempat letak kereta masing-masing bagi mengelakkan masalah kompaun tertunggak yang akan menyebabkan pelbagai kesulitan.

5. PROGRAM TURUN PADANG (TURPA) DESA SIMPANG SENTOSA

Satu lawatan turun padang telah diadakan pada 29 Januari 2019 (Selasa) yang merupakan susulan daripada Hari Bertemu Pelanggan pada 23 Januari 2019 (Rabu) ekoran terdapat permohonan pembangunan kemudahan asas serta infrastruktur daripada penduduk Desa Sentosa, Simpang. Lawatan ini melibatkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancangan & Pembangunan Bandar, Bahagian Landskap dan Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan selaku urus setia. Di antara isu-isu yang berbangkit adalah :-

- i. Permohonan bonggol yang melibatkan jalan utama;
- ii. Permohonan sistem saliran dengan pembinaan longkang konkrit;

- iii. Anjing liar yang berkeliaran di kawasan taman dan surau;
- iv. Permohonan baikpulih jalan berlubang dan tidak rata;
- v. Permohonan untuk memajukan kawasan lapang oleh penduduk dengan tanaman sementara (tidak bersifat kekal);
- vi. Semak samun di lot-lot tanah milik yang terbiar;

Hasil daripada lawatan turun padang ini, pihak Majlis telah memutuskan di mana sebarang pembangunan akan dijalankan mengikut fasa berdasarkan laporan daripada penduduk dan ketua kampung. Sementara itu, bagi cadangan tanaman di tanah lapang, penduduk diminta mengemukakan permohonan kepada pihak Majlis supaya boleh diwujudkan Kebun Komuniti @

Rakan Taman. Pada masa yang sama, pihak majlis menggalakkan penduduk Desa Sentosa menjelaskan bayaran cukai taksiran yang masih tertunggak.

6. LAWATAN SEMPENA KEBERANGKATAN DYAM RAJA DIHILIR PERAK DARUL RIDZUAN DAN DYAM PUAN MUDA KE BUKIT LARUT, TAIPING

Pada 28 Januari 2019 (Isnin), Pusat Peranginan Bukit Larut menerima kunjungan daripada DYAM Raja Dihilir Raja Iskandar Dzulkarnain ibni Almarhum Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi Shah II. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar projek pembangunan di

Bukit Larut yang sedang dijalankan oleh pihak MPT. Satu taklimat telah disampaikan oleh Encik Roslee bin Ahmad Rafei selaku Ketua Bahagian Pengurusan Bukit Larut berkaitan cadangan pembangunan di Pusat Peranginan Bukit Larut. Di antara komponen yang terlibat adalah seperti ;-

- i. Pembinaan semula gerai makan;
- ii. Membina semula surau;
- iii. Membina semula pintu gerbang;
- iv. Membina semula tempat letak kereta
- v. Menaiktaraf kaunter tiket dan ruang menunggu;
- vi. Menaiktaraf banglo Angkasa dan banglo Beringin;
- vii. Menaiktaraf Rumah Rehat Bukit Larut, Rumah Rehat Hijau, Rumah Rehat Sri Permai, dan Rumah Rehat Tempinis.

7. SULTAN PAHANG DIPILIH SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16

DYMM Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Al Sultan Abdullah dipilih sebagai Yang Di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-251 (Khas) di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 24 Januari lalu. Baginda menggantikan Sultan Muhammad V yang meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 berkuatkuasa 6 Januari lalu selepas memegang tampuk pemerintahan negara sejak 13 Disember 2016. Istiadat melafaz dan menandatangani surat sumpah jawatan

sebagai Yang di-Pertuan Agong akan berlangsung pada pagi di Kuala Lumpur. Daulat Tuanku!